



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam

**PEGAWAI PENTADBIR PELATIH (B.2)
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI PENTADBIR PELATIH
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI
B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)
KEKOSONGAN = EMPAT (04)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Ijazah Sarjana Muda sekurang-kurangnya Kepujian (*Honours*) Kelas Dua ke Atas (2:1) atau kelulusan akademik / *professional* yang sebanding.
b) Bagi institusi pengajian tinggi yang tidak menawarkan kelulusan Kepujian (*Honours*) pada peringkat Ijazah Sarjana Muda akan dipertimbangkan dengan mengambilkira sistem penilaian gred (*Grading System*) di tahap *Distinction* / Gred A atau yang sebanding.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. Hendaklah berumur 21 tahun ke atas dan tidak melebihi 27 tahun.
3. Berbangsa Melayu dan beragama Islam menurut Ahli Sunnah Wal Jama'ah.

SYARAT-SYARAT LAIN:

1. Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mengikuti ujian-ujian pemilihan yang ditetapkan dari semasa ke semasa.

SYARAT-SYARAT AM:

1. Calon-calon yang berjaya akan dikenakan syarat supaya lulus di dalam Peperiksaan Perkhidmatan Pentadbiran Brunei Darussalam dalam tempoh percubaannya selama 3 tahun.
2. Calon-calon yang berjaya mestilah bersedia berkhidmat di mana-mana sahaja sama ada di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam.
3. Syarat-syarat perkhidmatan lain adalah menurut Skim Perkhidmatan Pentadbiran Negara Brunei Darussalam.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Menjadi pakar rujuk bagi perkara-perkara mengenai dengan Peraturan-Peraturan Am (*General Order*) dan Peraturan-Peraturan Kewangan (*Financial Regulation*);
2. Membantu Setiausaha Tetap / Ketua Jabatan membuat perancangan dan pelaksanaan dengan Kementerian / Jabatan;
3. Terlibat dalam kerja-kerja pembuatan dan pelaksanaan dasar;
4. Membuat penelitian ke atas projek-projek Kementerian dan Jabatan;
5. Membuat penelitian dan pembaharuan peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan Kementerian dan Jabatan;
6. Mengawal penjimatan perbelanjaan dan penambahan pendapatan Kementerian dan Jabatan; dan
7. Melaksanakan penyediaan laporan tahunan Kementerian dan Jabatan.